

08 FEB 1997

Mahathir-Hubungan

AMALKAN KESEDERHANAAN DAN KEKALKAN HUBUNGAN ANTARA KAUM, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua rakyat Malaysia terus mengamalkan kesederhanaan dan mengekalkan kebaikan perhubungan antara kaum yang menganuti agama berlainan, demi keamanan dan kemakmuran negara ini.

Katanya setiap rakyat seharusnya faham bahawa keamanan dan kemakmuran tidak akan kekal dengan sendirinya tanpa dipelihara.

Perdana Menteri berkata sekiranya rakyat Malaysia lupa dan mengikut nafsu, negara ini akan dilanda huru-hara seperti yang dialami di beberapa negara membangun yang lain.

"Di Malaysia, kita bukan sahaja ada orang Islam tetapi juga orang yang bukan beragama Islam. Sudah menjadi suatu kebiasaan bagi kita mengunjungi rakan dan kawan semasa perayaan masing-masing," katanya dalam perutusan sempena Hari Raya Aidil Fitri esok yang turut disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Beliau berkata kunjungan orang Islam terhadap orang bukan Islam semasa perayaan tidak mempunyai apa-apa maksud keagamaan sebaliknya bertujuan mewujudkan keadaan perhubungan sosial yang baik ke arah keamanan dan kesejahteraan negara.

"Dengan keamanan ini juga, kita hidup bahagia dan dapat mengamalkan ajaran dan ibadat agama kita dalam keadaan tidak terganggu. Sebaliknya, kita tahu di negara-negara di mana usaha menjalinkan hubungan yang baik tidak ada, permusuhan sering berlaku, walaupun penduduknya seagama," katanya.

Dr Mahathir berharap umat Islam di negara ini akan terus mengunjungi rakan-rakan daripada kaum Cina semasa Tahun Baru Cina, bukan bertujuan makan minum di siang hari semasa berpuasa tetapi semata-mata untuk menyumbang ke arah mewujudkan iklim yang baik di Malaysia.

Beliau berkata agama Islam bukanlah halangan sekiranya umat Islam benar-benar ingin memajukan negara dan mengembalikan kegemilangan mereka.

"Sebenarnya jika ajaran Islam ditafsir tanpa kepentingan politik tertentu dan tafsiran ini dijadikan panduan, tidak ada sebab kenapa negara Islam tidak boleh aman dan maju, mampu menyaingi negara-negara maju lain dalam apa jua bidang, termasuk sains dan teknologi dan keupayaan pertahanan seperti yang dikehendaki oleh agama Islam," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa negara maju yang dimaksudkan negara yang berkebolehan dalam semua bidang utama dengan pendapatan yang memberi keselesaan hidup dan lebih penting mempunyai moral, etika serta pegangan agama yang tinggi.

Malangnya, beliau berkata sementara Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dan kebolehan ekonomi, tanda-tanda tidak sihat yang boleh meruntuhkan masyarakat sudah melanda dari segi moral dan etika.

Dr Mahathir berkata yang membimbangkan ialah masalah keburukan sosial meningkat jauh lebih tinggi daripada peningkatan bilangan penduduk dan lebih menyedihkan serta memalukan pula gejala buruk itu berlaku lebih banyak di kalangan umat Islam daripada orang bukan Islam.

Katanya menyalahkan kemewahan, kemajuan yang mewujudkan lebih banyak peluang-peluang bersosial serta penghijrahan ke bandar tidak dapat menjawab persoalan kenapa lebih ramai orang Melayu dan Islam terlibat dalam gejala sosial berbanding orang bukan Islam.

"Jika kita pegang betul-betul kepada ajaran Islam sudah tentu ketahanan kita terhadap hasutan syaitan akan lebih kuat dan berkesan. Tetapi kerana

pegangan kita terhadap kepada rupabentuk dan tidak mendalam maka kita mudah ditewaskan oleh nafsu kita apabila berhadapan dengan godaan syaitan," katanya.

Perdana Menteri berkata daripada meniru amalan buruk dari Barat, orang Islam di negara ini seharusnya lebih mudah mencontohi hakikat bahawa orang bukan Islam di negara ini lebih berjaya mempertahankan diri daripada hasutan nafsu, dedikasi kepada pelajaran dan kerja.

"Apakah salah dan bertentangan dengan agama kita jika kita meniru yang baik yang dilakukan oleh orang bukan Islam, sedangkan kita begitu mudah meniru yang buruk sebagai sebahagian cara hidup mereka?" katanya.

Beliau berkata sementara umat Islam berseronok merayakan kemenangan melawan nafsu pada Aidil Fitri ini, mereka perlu insaf dan sedar tentang gejala buruk yang sedang menyerang masyarakat Islam bukan sahaja di negara ini tetapi juga di dunia dan berusaha membanteras gejala buruk berkenaan.

Katanya memang tanggungjawab kerajaan melawan masalah sosial itu tetapi orang ramai, guru, media dan ibu bapa perlu membantu kerajaan menangani masalah itu.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat Malaysia supaya sentiasa berhati-hati dalam apa jua perkara serta berusaha mengelakkan diri daripada bahaya dan tidak mudah berkata bahawa apa yang berlaku sudah ditakdirkan.

"Sebenarnya di negara ini segala kurniaan Tuhan adalah baik-baik belaka. Malaysia adalah negara yang tanahnya subur dengan hujan yang menghijaukan seluruh negara, air dan makanan yang tidak pernah tidak cukup, iklim yang sederhana dan tidak diserang ribut taufan dan gempa bumi yang dahsyat.

"Terpulanglah kepada kita untuk mencapai hidup yang bahagia dengan segala kurniaan Tuhan. Sebenarnya beban kita di negara tercinta ini amatlah ringan. Kita dapat hidup selesa dengan sedikit usaha sahaja. Dan jika kita rajin dan berdisiplin sedikit, kita dapat menjadi kaya dan bahagia," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS AHH